

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut:

Bil.	Kod Bidang	Jenis Kerja	Harga Senaskah
1.	221001 Pembersihan Bangunan dan Pejabat	Sebut Harga Perkhidmatan Mencuci / Membersih Di Pejabat Kumpulan Kesenian Negeri Pahang, Wisma Belia, Kuantan, Pahang Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan	RM 10.00

Pembekal/Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak pada **14 September 2018 (Jumaat)** sebelum borang sebut harga boleh dijual. Pendaftaran dibuka dari pukul **9.00 pagi hingga 9.30 pagi**. Taklimat hanya akan diadakan sekali sahaja. Pembekal/Kontraktor dikehendaki berkumpul di Tingkat 2, Wisma Belia, Kuantan pada waktu tersebut dengan menaiki kenderaan sendiri. Hanya **PENAMA** dalam Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Kementerian Kewangan sahaja yang **DIBENARKAN** menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. **PENDAFTARAN LEWAT TIDAK AKAN DILAYAN.**

Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat sahaja mulai **14 September 2018 (Jumaat)** selepas taklimat dan lawatan tapak selesai dan boleh diperolehi setelah menjelaskan bayaran melalui Tunai, Wang Pos, Wang Kiriman atau Deraf Bank atas nama **YB. Setiausaha Kerajaan Pahang** di **Kaunter Hasil, Bahagian Perumahan, Tingkat 1, Blok B, Wisma Sri Pahang, Kuantan.**

Dokumen sebut harga hanya dikeluarkan kepada **pembekal/kontraktor sahaja**. Sila kemukakan resit bayaran untuk mendapatkan dokumen sebut harga ini di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Blok B, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan.**

Dokumen sebut harga yang diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas '**No. Sebut Harga : SUK.PHG.SHA.28/2018(BKP)**' dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Tingkat 1, Blok B, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan selewatnya pada **21 September 2018 (Jumaat)**, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi **Bahagian Khidmat Pengurusan** di nombor **09-5126653**. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab atas apa jua perbelanjaan yang terlibat oleh penyebut harga untuk mengemukakan tawaran ini.